



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (67)

SIARAN MEDIA

YB MENTERI TINJAU PROJEK AKUAKULTUR JOHOR SOKONG PELAKSANAAN PPAN RM18.5 JUTA

PONTIAN, 27 April 2026 – Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu hari ini mengadakan lawatan ke projek akuakultur AR Aqua Farming di Pekan Nanas bagi meninjau keupayaan sektor akuakultur dalam menyokong keterjaminan bekalan makanan negara.

Lawatan tersebut memberi tumpuan kepada peranan industri akuakultur sebagai antara penyumbang utama sumber protein negara, khususnya dalam memastikan bekalan ikan kekal mencukupi, stabil dan berdaya saing. Dalam lawatan itu, YB Menteri turut diberi taklimat mengenai operasi ternakan, penggunaan teknologi serta cabaran semasa yang dihadapi oleh pengusaha dalam meningkatkan produktiviti.

Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Adnan bin Hussain berkata, pendekatan turun padang penting bagi memastikan dasar dan inisiatif kerajaan dapat dilaksanakan secara berkesan di peringkat lapangan.

“Kerajaan melalui Jabatan Perikanan Malaysia terus memberi penekanan kepada peningkatan pengeluaran domestik, khususnya dalam subsektor akuakultur, sebagai langkah memperkukuh keterjaminan makanan negara,” katanya.

Pelaksanaan Program Pemerkaasan Agromakanan Negara (PPAN) 2026 melibatkan 23 projek strategik di bawah Jabatan Perikanan Malaysia dengan penglibatan Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), serta peruntukan keseluruhan berjumlah RM18.5 juta.

Program ini merupakan kesinambungan agenda strategik Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang disokong oleh peruntukan keseluruhan berjumlah RM300 juta bagi tahun 2026 serta RM1 bilion bagi tempoh 2026–2030.

Daripada jumlah tersebut, projek-projek berkenaan merangkumi pembangunan subsektor akuakultur serta Sumber Perikanan Tangkapan (SPT) yang melibatkan pemodenan infrastruktur, peningkatan pengeluaran serta pengurusan sumber secara mampan di seluruh negara.

Bagi negeri Johor, sebanyak RM1.45 juta diperuntukkan bagi melaksanakan beberapa inisiatif utama termasuk Program Peningkatan Produktiviti Industri Akuakultur Ikan Makan, Projek Peningkatan Pengeluaran Estet Kerang serta Program Transformasi Ekonomi Komuniti Perikanan.

Lawatan ke projek akuakultur ini turut memberi gambaran pelaksanaan inisiatif tersebut di peringkat lapangan, khususnya dalam meningkatkan pengeluaran domestik serta menyokong agenda keterjaminan makanan negara.

Jabatan Perikanan Malaysia akan terus memperkukuh pelaksanaan PPAN bagi memastikan sektor perikanan kekal mampan, berdaya tahan dan menyokong keterjaminan bekalan makanan negara.

Pautan gambar :

https://drive.google.com/drive/folders/1DyqSzizmX6-iGN-EvEFQsm3A50nZI_1N

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my